



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament building in Kuala Lumpur serves as the background for the lower half of the page. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is also visible over the building.

RANG UNDANG-UNDANG
Orang-Orang Papa (Pindaan) 1985
DR.23/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Orang-Orang Papa 1977.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Orang-Orang Papa (Pindaan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1986.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 3 Akta Orang-Orang Papa 1977, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 3. Akta 183.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "dalam suatu rumah kebajikan" dalam subseksyen (4) perkataan-perkataan "selama tempoh yang tidak boleh melebihi tiga tahun";

(b) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (4) dengan koma bernoktah; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (4) proviso yang berikut :

"Dengan syarat bahawa seseorang Majistret dalam Kamar boleh jika berpuas hati dari suatu laporan yang diberi oleh seorang pegawai kebajikan masyarakat melanjutkan Perintah itu selama suatu tempoh selanjutnya yang difikirkannya patut dan tempoh itu tidaklah boleh melebihi tiga tahun."

2 — RANG UNDANG-UNDANG

Pindaan
seksyen 13.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen 13 baru yang berikut:

"Memen-
dekan
tempoh
tinggal.

13. Menteri boleh memendekkan tempoh tinggal dan melepaskan mana-mana orang dari rumah kebajikan jika Menteri berpuas hati bahawa adalah adil dan patut berbuat demikian kerana sebab-sebab istimewa mengenai kebajikan orang itu."

Seksyen
baru 16.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 15, seksyen baru 16 yang berikut:

"Penyeliaan
setelah
dilepas.

16. Jika seseorang itu dilepaskan dari rumah kebajikan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, dia hendaklah diletakkan di bawah penyeliaan seorang pegawai kebajikan masyarakat selama tempoh tidak melebihi satu tahun."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Orang-Orang Papa 1977 untuk memberi kuasa kepada Majistret memerintahkan seseorang orang papa supaya tinggal di rumah kebajikan selama suatu tempoh tertentu yang tidak melebihi tempoh tiga tahun. Ini diperuntukkan melalui pindaan dalam *fasal 2* Rang Undang-Undang. Pada asalnya, Akta itu memperuntukkan bahawa seseorang orang papa boleh diperintahkan supaya tinggal di rumah kebajikan dengan tidak ditentukan lamanya sehingga Menteri berpuas hati yang dia boleh dilepaskan dari rumah kebajikan itu di bawah seksyen 13 Akta. Akibatnya seseorang orang papa boleh ditahan di rumah kebajikan selama tempoh yang lebih lama daripada apa yang diperlukan dan keadaan ini menimbulkan berbagai masalah ketakpastian dan gangguan emosi ke atas orang papa itu yang boleh memudaratkan rancangan untuk memulihkannya.

2. *Fasal 2 (c)* membuat peruntukan mengenai pindaan kepada seksyen 3 Akta, yang menurutnya jika didapati bahawa seseorang orang papa, setelah tinggal di rumah kebajikan selama suatu tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Majistret yang mana tempoh itu tidak boleh melebihi tiga tahun, tidak juga pulih sepenuhnya, maka orang papa itu boleh diperintahkan supaya tinggal di rumah kebajikan itu selama suatu tempoh selanjutnya yang tidak melebihi tiga tahun oleh Majistret atas syor pegawai kebajikan.

3. Pindaan di dalam *fasal 3* ialah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memendekkan tempoh tinggal seseorang orang papa di rumah kebajikan sebagaimana diperintahkan oleh Majistret dan dengan demikian melepaskan orang papa itu setelah didapati yang orang papa itu telah pulih. Ini akan memberi peluang istimewa kepada orang papa yang berkehendakkan tempoh pemulihan yang lebih pendek dan pelepasan yang awal dari rumah kebajikan.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan satu peruntukan baru dalam bentuk seksyen baru 16 yang menurutnya seseorang yang dilepaskan dari rumah kebajikan hendaklah diletakkan di bawah penyeliaan pegawai kebajikan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun. Adalah difikirkan bahawa tempoh penyeliaan ini adalah perlu dan untuk kebaikan orang itu bagi membolehkan dia berdikari. Penyeliaan itu lebih bertujuan untuk membantu dan memimpin orang itu balik ke dalam masyarakat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1321.]

2. Section 3 of the Destitute Persons Act 1977, which in this Act is referred to as "the principal Act", is amended—

- (a) by inserting immediately after the words "in a welfare home" in subsection (4) the words "for a period which shall not exceed three years";
- (b) by substituting for the full stop at the end of subsection (4) with a colon; and
- (c) by inserting immediately after subsection (4) the following proviso:

"Provided that a Magistrate in Chambers may if satisfied from a report furnished by a social welfare officer extend the Order for a further period which he deems fit and that period shall not exceed three years."

3. The principal Act is amended by substituting for section 13 the following new section 13:

13. The Minister may shorten the period of residence and discharge any person from a welfare home if the Minister is satisfied that it is just and proper to do so for special reasons pertaining to the welfare of such persons.